

45 orang tamat program Pengajian Sijil Pembimbing Ibadat Haji

SEREMBAN 7 Mei - Seramai 45 orang Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (Pekta) dari seluruh Malaysia menamatkan Program Pengajian Sijil Pembimbing Ibadat Haji (SPIH) anjuran bersama Lembaga Tabung Haji (TH) dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Program kali ketiga itu diadakan di Kelana Jaya dan Shah Alam baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USIM, Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd. Hanefah berkata, program itu merupakan usaha sama terbaik yang terjalin antara USIM dan Lembaga Tabung Haji sejak 2010.

"SPIH telah melahirkan Pembimbing Ibadat Haji di Tanah Suci (PIHTAS) yang berpengetahuan tinggi di bidang pengajian ibadat haji melalui pembelajaran yang sistematik.

"Saya berharap semua peserta menghayati semua ilmu, maklumat dan kemahiran yang diperolehi seterusnya mampu membimbing bakal jemaah dengan berkesan," katanya ketika merasmikan majlis penutup program tersebut.



SERAMAI 45 orang Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air bergambar setelah menamatkan Program Pengajian Sijil Pembimbing Ibadat Haji anjuran bersama Lembaga Tabung Haji dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, baru-baru ini.